



**BAB TIGA**

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

#### **3.0 Pendahuluan**

Bab ini akan menerangkan metodologi yang digunakan penulis dalam melaksanakan kajian ini. Ia bertujuan memberi penjelasan bagaimana data-data diperolehi dan dianalisis bagi membentuk maklumat yang tepat. Perkara-perkara yang disentuh dalam bab ini ialah rekabentuk kajian, responden kajian, tempat dan lokasi responden, instrumen kajian, prosedur kajian, analisis data, keesahan dan kebolehpercayaan.

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian direka untuk meninjau dan melihat tahap kemahiran pelajar Melayu membentuk dan menulis ayat bahasa Arab. Menurut (Kerlinger,1973: 300 ) reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan dalam suatu pengkajian untuk mencari jawapan yang jelas terhadap persoalan-persoalan kajian. Oleh kerana kajian ini mengenai kemahiran menulis ayat bahasa Arab, maka reka bentuk kajian dibina berdasarkan persoalan-persoalan kajian mengenai ayat bahasa Arab.

Kajian ini merupakan kajian berbentuk inferential yang boleh digeneralisasikan untuk tempat-tempat lain pada kes yang sama. Data-data diperolehi melalui soal selidik, ujian bertulis dan temu bual. Maklumat yang diterima ditafsirkan secara kualitatif dan kuantitatif. Selain dari memfokuskan kajian kepada kemahiran pelajar menulis ayat bahasa Arab, penulis juga ingin melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran

tersebut serta tahap perhubungan antara keduanya dalam situasi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan fenomena yang berlaku iaitu tahap kemahiran pelajar menulis ayat Bahasa Arab, maka dengan itu ia merupakan kajian deskriptif. Kajian ini juga boleh dianggap sebagai penilaian terhadap keberkesanan unsur-unsur yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab secara umum dan secara khususnya pengajaran dan pembelajaran menulis ayat bahasa Arab. Unsur-unsur itu termasuklah guru, sukatan pelajaran, buku teks sekolah, bahan bantu mengajar yang digunakan, persekitaran sekolah serta sistem dan jenis penilaian yang dilaksanakan. Unsur-unsur itu dianggap efektif, jika pelajar berjaya menguasai kemahiran berbahasa khususnya kemahiran menulis ayat, begitu juga ia dikira kurang berkesan jika pelajar gagal.

### **3.2 Respondan Kajian**

Respondan utama kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Aliran Agama di dua daerah di dalam negeri Selangor Darul Ehsan iaitu daerah Hulu Langat dan Kuala Selangor. Respondan kajian berjumlah 200 pelajar yang terdiri dari 95 lelaki dan 105 perempuan. Sehingga ujian dan soal selidik dilakukan, pelajar ini telah menghabiskan masa lebih dari satu setengah tahun mempelajari Bahasa Arab Komunikasi. Kaedah pengajaran yang dilaksanakan pada tahap PMR ialah kaedah komunikatif yang mementingkan pembelajaran bahasa Arab dalam bentuk penggunaan dalam aktiviti-aktiviti harian.

Pelajar Kelas Aliran Agama mempunyai tahap pencapaian akademik yang lebih baik jika dibandingkan dengan rakan-rakan sebaya dengan mereka di kelas lain. Ini adalah kerana syarat kemasukan pelajar ke Kelas Aliran Agama adalah sama dengan syarat kemasukan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Pada dasarnya pelajar Kelas Aliran Agama dipilih mengikuti kelas tersebut kerana mereka telah menguasai asas-asas bahasa Arab dengan baik seperti menulis perkataan dan membaca petikan pendek dalam bahasa Arab. Ini adalah kerana mereka telah mempelajari Bahasa Arab pada tahap Sekolah Rendah Agama dan lulus dalam ujian kelayakan yang diadakan oleh pihak pengurusan sekolah.

Pelajar mempelajari Bahasa Arab Komunikasi sekurang-kurangnya 240 minit seminggu atau 6 waktu minimum x 40 minit seminggu iaitu jumlah masa minimum yang diperuntukan kepada mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi. (Manual kursus pendedahan Kurikulum Semakan Bahasa Arab untuk Mursyid Tarbawi Bahasa Arab Di Sekolah Menengah, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral , 2002: 1).

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, penulis telah mendapatkan pandangan dan pendapat responden dari kalangan guru-guru yang mengajar Bahasa Arab Komunikasi tingkatan dua. Seramai 12 guru dipilih untuk ditemu bual. Pemilihan ini amat penting kerana guru-guru tersebut terlibat secara langsung dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Maklumat berkenaan dengan guru yang berkaitan dengan profesion mereka seperti latar belakang pendidikan, kaedah mengajar dan sebagainya amat diperlukan dalam kajian ini.

### **3.3 Instrumen Kajian**

Bagi mendapatkan data-data mentah berkaitan dengan kajian, penulis telah menggunakan tiga jenis instrumen iaitu soal selidik, ujian bertulis dan temu bual.

#### **3.3.1 Soal Selidik**

Soal selidik ini adalah, hasil dari pengubahsuaian yang dilakukan oleh penulis daripada tesis-tesis terdahulu dan jurnal-jurnal mengenai pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Penulis kemudiannya telah mengadakan perbincangan mengenainya terlebih dahulu dengan penyelia dan beberapa orang yang pakar dengannya sebelum ianya dilaksanakan kepada pelajar. Soal selidik lebih memberikan tumpuan kepada cara pembelajaran ayat bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu. Walau bagaimanapun pengkaji juga ingin melihat faktor-faktor lain yang mempunyai kaitan dengan tahap kemahiran menulis ayat di kalangan pelajar. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian penting iaitu:

i) Bahagian I

Memberi tumpuan pada latar belakang pelajar seperti maklumat diri, sekolah, keluarga, status sosial ekonomi keluarga, motivasi, bahasa, persepsi terhadap bahasa Arab, sumber pengetahuan mengenai bahasa Arab, cara belajar di luar waktu sekolah, penglibatan aktiviti ko-kurikulum, pencapaian dan tahap tertinggi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi yang ingin diperolehinya .

Soalan dalam bahagian ini terdiri dari soalan jawapan tertutup , soalan pilihan jawapan tertutup dan terbuka. Pelajar hanya diminta memilih jawapan-jawapan yang disediakan dan menulisnya di kertas soalan. Terdapat juga soalan yang mengkehendaki pelajar menjawabnya secara terbuka setelah jawapan mereka melebihi dari apa yang disediakan.

Soalan jenis ini mungkin menghadkan maklumat berkaitan dengan kajian namun ia lebih menyenangkan penulis untuk menganalisa, dan juga memudahkan pelajar menjawab serta tidak memakan masa yang terlalu lama.

ii) Bahagian 11

Memberi tumpuan kepada kepada pembelajaran khususnya mengenai ayat Bahasa Arab. Ianya mengandungi 44 soalan dan digabungkan kepada tujuh unit iaitu:

- a) Unit pertama : mengenai dorongan mempelajari bahasa Arab
- b) Unit kedua : mengenai penglibatan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.
- c) Unit ketiga : pengetahuan mengenai ayat seperti binaan ayat, perkataan yang membentuknya, partikel yang memasuki ayat, jenis-jenis ayat, kata hubung, kata soal dan penggunaannya dalam ayat.
- d) Unit keempat : latihan-latihan mengenai ayat yang dilakukan dalam kelas.
- e) Unit kelima : punca pelajar sukar membentuk ayat.
- f) Unit keenam : strategi pembelajaran dan kesannya terhadap penguasaan ayat.

- g) Unit ketujuh : Kaedah pengajaran guru dan kesannya terhadap pembelajaran pelajar mengenai ayat.

Untuk menjawab soalan bahagian 11, pelajar dikehendaki memilih satu jawapan dari empat pilihan jawapan mengikut skala berikut:

1= sangat tidak setuju

2= tidak setuju

3= setuju

4= sangat setuju.

Masa yang diperuntukkan untuk menjawab soal selidik ini ialah 60 minit. Penulis sendiri mengedarkan dan mengumpulkan soal selidik berkenaan. Penulis juga berpeluang menerangkan maksud soalan kepada responden sebelum mereka memilih jawapan.

### **3.3.2 Ujian Bertulis**

Bagi melihat fenomena dan mendapatkan gambaran tepat mengenai tahap kemahiran pelajar Melayu menulis ayat bahasa Arab, penulis telah merangka satu set soalan ujian bertulis mengenai ayat bahasa Arab. Isi kandungan ujian bertulis ini adalah berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab dan buku teks Bahasa Arab Komunikasi tingkatan dua. Ujian bertulis ini dibahagikan kepada tujuh bahagian. Pelajar dikehendaki menjawab semua soalan pada bahagian 1- 6 , manakala dalam soalan 7 pelajar dikehendaki memilih salah satu dari dua soalan bergambar. Bahagian-bahagian itu adalah seperti berikut;

- a) Soalan 1 : Menyusun perkataan (2 soalan)

Pelajar dikehendaki menyusun perkataan yang tidak teratur menjadi ayat yang sempurna dan difahami.

b) Soalan 2 : Bentuk soalan (2 soalan)

Pelajar dikehendaki membentuk soalan kepada jawapan yang disediakan.

c) Soalan 3 : Menukar perkataan dalam ayat (2 soalan)

Pelajar dikehendaki melakukan perubahan yang sewajarnya pada perkataan-perkataan yang perlu diubah dalam ayat berikutan dengan berubahnya perkataan tertentu dalam ayat.

d) Soalan 4 : Gabung ayat (2 soalan)

Pelajar dikehendaki menggabungkan dua ayat mufidah menjadi satu ayat.

e) Soalan 5 : Gabung ayat dengan menggunakan kata hubung yang sesuai. (2 soalan)

Pelajar dikehendaki menggabungkan dua ayat mufidah menjadi satu ayat mufidah dengan menggunakan kata hubung yang sesuai yang disediakan bersamanya.

f) Soalan 6 : Terjemahan ( 3 ayat )

Pelajar dikehendaki menterjemahkan ayat di dalam bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab. Ayat ini diambil dari buku teks tingkatan dua yang sepatutnya telah dipelajari.

g) Soalan 7 : Menulis karangan pendek, panjangnya tidak kurang dari 50 perkataan.

Dalam menjawab soalan ini, Pelajar diberikan dua gambar yang disertakan bersamanya perkataan-perkataan yang boleh membantu membentuk ayat. Pelajar dikehendaki memilih salah satu daripadanya.

Soalan di edarkan dan dikumpulkan sendiri oleh penulis. Penulis juga menyelia kelas sepanjang ujian itu berlangsung. Masa menjawab soalan ini adalah 60 minit. Ujian bertulis ini disemak sendiri oleh penulis. Semakan adalah bertujuan untuk melihat dan

mengukur kemampuan pelajar membina pelbagai jenis ayat, perbandingan penguasaan dan kuantiti penguasaan antara *jumlat ismiyyat* dan *jumlat fi 'līyyat* dan di antara *jumlat basi'at* (tunggal) dan *jumlat murakkabat* (majmuk) serta pengaruh bahasa pertama terhadapnya. Analisa kesilapan juga dilakukan untuk menentukan tahap penguasaan pelajar mengenai struktur ayat-ayat bahasa Arab, unsur-unsur asas tatabahasa dan penguasaan perbendaharaan kata.

### 3.3.3 Temu bual

Dapatan kajian ini tidak mantap tanpa meninjau pandangan dan pendapat guru-guru yang mengajar Bahasa Arab Komunikasi tingkatan 2. Tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun bahawa salah satu faktor kejayaan dan kegagalan pelajar menguasai sesuatu mata pelajaran sebahagian besarnya adalah berpunca dari kaedah dan cara pengajaran guru itu sendiri. Pendapat dan pandangan mereka yang terlibat secara langsung dengan permasalahan pengajaran dan pembelajaran yang dikaji oleh penulis amat diperlukan bagi mencari punca sebenar wujudnya fenomena kajian dan seterusnya mendapatkan formula yang sesuai bagi menyelesaikannya.

Dalam menjalankan sesi temu bual, penulis menggunakan kaedah temubual separuh berstruktur. Penulis menyediakan soalan-soalan untuk dikemukakan kepada guru-guru Bahasa Arab Komunikasi dan mencatatkan jawapan-jawapan mereka. Penulis juga menggunakan perakam kaset untuk merakamkan jawapan dengan baik supaya dapat memberi tumpuan kepada sesi temu bual. Penulis telah meminta izin terlebih dahulu daripada responden untuk merakamkan jawapan mereka. Bagi guru yang enggan dirakamkan, penulis mencatat terus dari sesi temu bual agar tidak berlaku kekeliruan.

Respondan yang memberikan jawapan yang kabur akan diminta mengulangi jawapan mereka dan menjelaskannya.

Temu bual ini dibahagikan kepada dua bahagian ,iaitu:

a) Bahagian I :

Maklumat yang ingin dikumpulkan dalam bahagian ini adalah mengenai mengenai latar belakang responden dari segi akademik, kelayakan ikhtisas, pengkhususan, pengalaman mengajar dan khusus dalam perkhidmatan yang diikuti sepanjang perkhidmatan.

b) Bahagian II :

Soakan dalam bahagian ini tertumpu kepada keperluan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi, kaedah pengajaran mengenai ayat , strategi pengajaran dan pendapat guru mengenai pelajar.

### **3.4 Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian dilakukan berpandukan dua kaedah utama iaitu rujukan data sekunder dan pengumpulan data primer. Data-data sekunder diperolehi daripada buku, jurnal dan tesis yang diperolehi dari perpustakaan di beberapa buah institusi pendidikan tinggi negara seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antara Bangsa dan Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur. Penulis juga memanfaatkan teknologi maklumat terkini dengan mendapatkan maklumat-maklumat melalui internet khususnya maklumat yang diadaptasi dari pembelajaran Bahasa Inggeris . Antara laman web yang dikunjungi ialah TESL, TAsL, language learning strategi dan lain-lain lagi.. Hasil tinjauan ini memberi maklumat yang berguna tentang

model kajian, dapatan dan penemuan hasil kajian yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik dari dalam dan luar negara.

Data-data primer pula diperolehi melalui tiga instrumen kajian iaitu soal selidik dan ujian bertulis ke atas pelajar serta temubual dengan guru-guru yang terlibat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran pelajar terbabit di sekolah-sekolah berkenaan.

### **3.5 Prosedur Kajian**

Untuk menjalankan kajian, penulis terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya sebelum dikemukakan ke Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan (lihat lampiran : Surat-surat kebenaran) untuk membuat kajian di sekolah-sekolah berkenaan. Setelah mendapat kebenaran dari pihak pentadbiran sekolah yang terlibat penulis pun mula menjalankan urusan kajian.

Langkah seterusnya penulis mengadakan perbincangan dengan pihak pentadbiran sekolah dan guru mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi tingkatan dua untuk mencari masa dan tarikh yang sesuai untuk mengumpulkan data-data primer yang diperlukan. Ini adalah untuk mengelakkan pertembungan dengan program-program dalaman yang akan mengganggu kelinciran kajian seperti ujian bulanan, majlis-majlis rasmi sekolah dan sebagainya.

Setelah menentukan masa dan tarikh pelaksanaan kajian, penulis mengelolakan dan menyeliaikan sendiri perjalanan soal selidik dan ujian bertulis pelajar. Ini adalah kerana hanya melibatkant satu kelas Aliran Agama di sekolah-sekolah tersebut kecuali Sekolah

Menengah Kebangsaan Jalan Tiga, Bandar Baru Bangi yang mempunyai 4 Kelas Aliran Agama. Walau pun begitu waktu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi adalah tidak seragam antara semua kelas.

Mengenai temubual, penulis sendiri bersemuka dengan guru-guru yang mengajar Bahasa Arab Komunikasi mengajar tingkatan dua. Penulis telah mendapatkan persetujuan guru-guru terbabit untuk merakamkan sesi temu bual tersebut. Setelah tarikh, masa dan tempat yang sesuai dipilih, guru-guru tersebut diberi taklimat tentang objektif temu bual, kerahsiaan dan kepentingan temu bual terhadap kajian.

### **3.6 Analisis Data**

Penganalisan data untuk kajian ini dilakukan dengan menggunakan ‘The Statistical Package For The Social Sciences’ (SPSS PC versi 10.00 ). Peratusan digunakan untuk memaparkan perbezaan antara jawapan pelajar untuk setiap unit soalan. Taburan peratusan akan dipaparkan dalam jadual. Analisis data dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu :

- a) Bahagian I untuk soal selidik
- b) Bahagian II untuk ujian bertulis
- c) Bahagian III untuk temubual

Untuk menentukan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah ,analisa korelasi Spearman’s dijalankan. Ianya dapat menunjukkan perkaitan antara pembolehubah bebas dan bersandar. Analisis ini dijalankan untuk menunjukkan perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah dalam soal selidik bahagian I dan II dengan pencapaian pelajar dalam ujian bertulis yang menentukan tahap penguasaan pelajar terhadap

penulisan ayat. Hanya keputusan ujian korelasi pada tahap sangat tinggi, tinggi dan sederhana serta hubungan yang signifikan sahaja akan dibentangkan. Ini bertujuan memastikan dapatan kajian adalah berlandaskan dapatan-dapatan atau bukti-bukti yang kukuh dan meyakinkan.

Pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis ayat dapat diukur melalui markah yang mereka perolehi dalam analisis ujian bertulis. Analisis ujian juga bukan sahaja memperlihatkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar, sebaliknya ia bertujuan melihat perbandingan kuantiti penggunaan antara jumlat ismiyyat dan fi'liyyat, jumlat basīṭat dan jumlat murakkabat, penggabungan ayat yang memerlukan kemahiran menggunakan kata hubung dan pengait bahasa antara ayat serta pengaruh bahasa Melayu ke atas bahasa Arab. Seterusnya penulis akan mengaitkan dapatan hasil dari ketiga-tiga instrumen kajian untuk melihat secara keseluruhan tahap kemahiran pelajar Melayu menulis ayat dalam bahasa Arab.

### **3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan perkara penting yang sering dibincangkan dalam metodologi penyelidikan, bertujuan menentukan kedudukan instrumen kajian yang digunakan. Instrumen yang menjadi alat untuk mengumpulkan data perlu tepat dan sesuai, agar maklumat dan seterusnya yang dijalankan diiktiraf sebagai sah dan boleh dipercayai.

Kesahan sesuatu alat pengukuran itu adalah merujuk kepada sejauh mana alat itu mengukur data yang sepatutnya ia dikehendaki mengukur. Sekiranya data yang dikehendaki ialah ketinggian pelajar, alat kajian mestilah dapat mengukur ketinggian

pelajar tersebut dengan tepat. Alat yang mengukur dengan tepat sesuatu pembolehubah yang dikaji dikatakan sah sebagai pengukur bagi pembolehubah tersebut. Timbang adalah alat yang sah untuk mengukur berat dan ianya tidak sah untuk mengukur ketinggian pelajar. (Mohd.Majid, 2000: 156).

Tiga instrumen kajian telah digunakan untuk mengumpulkan data mentah mengenai pelajar khususnya kemahiran menulis ayat Bahasa Arab. Instrumen itu ialah soal selidik dan ujian bertulis keatas pelajar serta temubual dengan guru. Untuk memastikan keesahan kandungan instrumen kajian tersebut, penyelidik telah mendapatkan pandangan, nasihat dan maklumbalas daripada penyelia kajian dan beberapa orang pensyarah yang pakar di bidang mereka.

### **3.8 Kajian Rintis**

Untuk mengesahkan kebolehpercayaan item-item soalan soal selidik, penyelidik telah menjalankan kajian rintis di Sen. Men. Kebangsaan Jeram, Kuala Selangor. Sekolah ini merupakan sekolah menengah harian, sama seperti sekolah-sekolah kajian yang lain. Respondan seramai 32 pelajar tingkatan 2 yang merupakan pelajar Kelas Aliran Agama telah dipilih untuk kajian rintis ini. Analisa dapatan kajian tersebut menggunakan SPSS mendapati nilai kebolehpercayaan Alpha untuk soal selidik adalah tinggi iaitu 0.8515. Menurut Mohd..Majid (2000: 183) meskipun tiada batasan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan pekali kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat ukur, pekali kebolehpercayaan yang lebih dari 0.60 sering digunakan. Wajar diingatkan bahawa antara kesahan dan kebolehpercayaan (keandalan), kesahan lebih penting (Syed Arabi Idid, 1998: 162).

Pelajar didapati boleh memahami butir-butir soalan yang dikemukakan dan dapat menjawabnya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Bagi sebahagian soalan soal selidik beberapa istilah yang digunakan telah dijelaskan oleh penyelidik sendiri. Selain itu keputusan data dari ketiga-tiga instrumen kajian yang menunjukkan maklumat dan keputusan yang sama mengukuhkan lagi kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut.

### **3.9 Penutup**

Metodologi kajian yang telah dibincangkan di dalam bab ini merangkumi bentuk perkaedahan kajian yang digunakan. Ianya termasuklah reka bentuk kajian, responden, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data dan pemerosesan data.